



# Colgate sasar kumpul RM100,000 dana

**TAMAN TASIK TITIWANGSA** - Colgate Palmolive Marketing Sdn Bhd (Colgate) menyasarkan untuk mengutip sejumlah RM100,000 melalui program 'Mari Beramal Bersama Colgate' yang dilancarkan untuk tahun kedua, dekat sini, kelmarin.

Pengarah Urusan Colgate, Issam Bachaalani berkata, menerusi program amal yang sama tahun lalu, Colgate berjaya mengumpulkan sebanyak RM70,000 melalui penjualan pek amal Colgate Kayu Sugi dan dana itu disalurkan kepada tujuh buah rumah anak yatim yang dipilih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menurutnya, matlamat Colgate pada tahun ini adalah untuk mengumpulkan lebih banyak dana bagi membolehkan syarikat itu menderma kepada lebih banyak rumah anak yatim.

"Ramai ahli masyarakat yang tidak mempunyai masa atau tidak tahu bagaimana untuk melaksanakan kerja kemasyarakatan, justeru kami ingin kempen ini menjadi penghubung di antara masyarakat dengan kegiatan amal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perasmian program 'Mari Beramal Bersama Colgate' yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) JKM, Lai Poh Guat, dekat sini, kelmarin.

Hadir sama memiahkan majlis itu adalah 100 orang kanak-kanak daripa-



● Issam (tiga dari kanan) dan Poh Guat (dua dari kiri) melihat ke Yayasan Anak Yatim Piatu, Perkas dan The Salvation Army Boy's

da Yayasan Anak Yatim Piatu, Port Dickson, Persatuan Kebajikan Islam (Perkasal), Terengganu dan The Salvation Army Boy's Home, Ipoh.

Katanya, mulai 17 Ogos sehingga 31 Oktober depan, Colgate akan menyalurkan 10 sen daripada penjualan pekubatgigi Colgate Perlindungan Kaviti Maksimum atau Colgate Kayu Sugi 175 gram kepada 10 buah rumah anak yatim yang dipilih JKM.

Menurut beliau, dalam usaha untuk mengekalkan semangat menderma dan berkongsi, kempen itu diharapkan akan dapat memberi bantuan kewangan kepada rumah anak yatim yang terpilih itu.

Issam berkata, syarikat itu memanfaatkan untuk kegunaan yang diperolehi dari program amal untuk kegunaan pendidikan, kebajikan dan penyelenggaraan rumah anak yatim.

Beliau berkata, syarikat itu akan mengadakan 'Hot FM' dengan tema 'Mari Beramal Bersama Colgate' yang akan disiarkan di radio, Hot FM 103.9 dan Hot FM 103.7.

Katanya, peredaran program ini akan memberi manfaat kepada rumah anak yatim yang terpilih itu. Beliau berkata, syarikat itu akan mengadakan 'Hot FM' dengan tema 'Mari Beramal Bersama Colgate' yang akan disiarkan di radio, Hot FM 103.9 dan Hot FM 103.7.



Smiles all around

Children showing off their artistic skills during the 'Mari Beramal Bersama Colgate' charity campaign at Taman Tasik Titiwangsa yesterday. — Bernama

# Terharu, syukur

Anak yatim gembira dapat bantuan

>>>Oleh NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN  
norlaila@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: "Se-ronok, terharu dan syukur kepada Allah apabila asrama kami terpilih untuk diberi bantuan. Ia menandakan ramai orang mengambil berat nasib anak yatim. Program seperti ini memberi semangat kepada kami untuk belajar lebih bersemangat-sungguh."

"Bulan pertama di asrama anak yatim, saya selalu menangis dan kerap mempersoalkan kenapa hanya saya diantar ke situ sedangkan adik beradik lain tinggal bersama emak. Namun selepas itu, saya menemui para kakitangan yang sangat baik dan mesra. Mereka telah membantu saya menyesuaikan diri dengan kehidupan di asrama. Saya sangat bersyukur kerana dapat tinggal di asrama ini. Saya akan berusaha untuk menjadi anak yang berprestasi dan berguna kepada masyarakat."

Yatim Darul Falah, Bukit Payung yang dikendalikan Pertubuhan Kebajikan Islam Terengganu.

Kisah Nurul Khairunnisa Md Noor, 13, anak ketujuh daripada lapan beradik pula berbeza kerana dia yang mahu tinggal di asrama anak yatim apabila melihat kesusahannya ibu selepas ayahnya meninggal dunia tiga tahun lalu.

"Di asrama ada ramai kawan yang faham keadaan kita. Kami saling memberi semangat apabila ada kawan bersehidah dan bersaing untuk dapat keputusan baik dalam peperiksaan. Program seperti ini menaikkan keinginan untuk berjaya," katanya yang ditemui pada program Mari Beramal Bersama Colgate anjuran bersama Colgate Palmolive Marketing Sdn Bhd (Colgate) dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah

(Perancangan) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lai Poh Guat. Hadir sama Pengurus Besar Colgate, Issam Bachaalani.

Program amal kali kedua yang turut disertai stesen radio Hot FM itu dianggap kaedah baik bagi membolehkan orang ramai menderma.

Bermula 17 Ogos hingga 31 Oktober 2009, Colgate akan menyalurkan 10 sen daripada setiap jualan pek Amal Colgate, sama ada ubat gigi Colgate Perlindungan Kaviti Maksimum atau Colgate Kayu Sugi 175 gram, di dalam tabung ini untuk digantikan ke 10 rumah anak yatim yang dipilih JKM.

Antaranya ialah Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam, Mersing (Johor); Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, Sabak Bernam (Selangor); Asrama

Anak-anak Yatim St Joseph (Pulau Pinang); Yayasan Anak Yatim Piatu, Port Dickson (Negeri Sembilan); Pertubuhan Asuhan dan Didikan Anak-anak Yatim Islam, Sik (Kedah); Pertubuhan Kebajikan Islam (Terengganu); The Salvation Army Boy's Home, Ipoh (Perak). Jemaah Pengurusan Kebajikan

Anak-anak Yatim dan Miskin Ulu Gadong (Negeri Sembilan), Lembaga Pengurusan Kebajikan Anak Yatim/Miskin Islam (Melaka) dan Pusat Jagaan Rumah Matthew, Batu Caves, Selangor.

Tahun lalu Colgate menderma RM70,000 daripada hasil jualan Pek Amal Colgate Kayu Sugi kepada tujuh rumah anak yatim dan kali ini mensasarkan kutipan RM100,000 dengan menambah satu lagi produk dalam program kali ini.



NORAKMAR... ingin balas jasa masyarakat.

Untuk menggalakkan penyertaan umum, Colgate bersama Hot FM mengadakan segmen 'Hot FM Mari Beramal Bersama Colgate' dengan mengajak pendengar berkongsi pendapat dan idea bagaimana mereka mahu membuat amal atau memberi sumbangan jika berpeluang melakukannya.

Hasrat guru Bahasa Malaysia dan Matematik Sekolah Rendah Kebangsaan St Mary, Selayang, Farahliza Akmal Kamaruddin yang mahu memberi kelas tambahan percuma kepada anak yatim, terpilih sebagai ilham terbaik dan Colgate menyumbangkan RM1,000 ke-



Program seperti ini menaikkan keinginan untuk berjaya"

> Nurul Khairunnisa Md Noor Anak yatim

padanya untuk membeli bahan pendidikan. Pada masa sama, kanak-kanak daripada 10 asrama anak yatim berkenaan turut diajar kaedah penjagaan kesihatan gigi dan mulut yang baik.